

14 AUG 1996

PAMPASAN TNB: BELUM ADA KEPUTUSAN LAGI, KATA MOGGIE

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Pengguna-pengguna perlu "tunggu dan lihat" sama ada mereka akan dibayar pampasan oleh Tenaga Nasional Berhad (Tenaga Nasional) bagi kerugian yang ditanggung akibat gangguan elektrik pada 3 Ogos lepas di seluruh Semenanjung.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie hari ini berkara perkara itu masih belum diputuskan lagi.

Beliau memberitahu pemberita selepas jamuan tengah hari kabinet di Menara Kuala Lumpur, di sini bahawa laporan gangguan elektrik itu akan siap minggu depan.

"Tunggu hingga minggu depan," katanya ketika terus ditanya mengenai laporan daripada Tenaga Nasional.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan ketidakpuasan hatinya terhadap laporan gangguan bekalan elektrik 3 Ogos itu oleh Tenaga Nasional.

Moggie juga berkata pampasan dalam bentuk bayaran rebet juga sedang dikaji dan para pengguna, katanya. -- BERNAMA

ARA NAK